



**KOD ETIKA DAN AKU JANJI
PEMERHATI PILIHAN RAYA KECIL DEWAN NEGERI
N.48 AYER KUNING, PERAK**

PEMERHATI PILIHAN RAYA adalah **dikehendaki** pada bila-bila masa:

- i) memakai Pas Pemerhati Pilihan Raya yang dikeluarkan oleh SPR pada sepanjang masa ketika bertugas dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) ini.
- ii) menunjukkan Pas Pemerhati Pilihan Raya kepada anggota-anggota Polis berpakaian seragam yang bertugas di pintu masuk Pusat Penamaan Calon, Pusat Pengundian Awal, Pusat Semakan Isi Peti Undi, Pusat Mengundi dan Pusat Penjumlahan Rasmi Undi.
- iii) berjumpa dan memperkenalkan diri kepada Pegawai SPR / Pegawai Pengurus / Penolong Pegawai Pengurus / Penyelia Pusat Mengundi / Ketua Tempat Mengundi yang bertanggungjawab dalam Pusat Mengundi berkenaan.
- iv) memakai baju Pemerhati Pilihan Raya, topi Pemerhati Pilihan Raya dan Pas Pemerhati Pilihan Raya yang dibekalkan oleh SPR semasa di Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian Awal, Hari Semakan Isi Peti Undi, Hari Pengundian dan semasa berada di Pusat Penjumlahan Rasmi Undi.
- v) mematuhi arahan Pegawai SPR / Pegawai Pengurus / Penolong Pegawai Pengurus / Penyelia Pusat Mengundi / Ketua Tempat Mengundi dan anggota-anggota Polis berpakaian seragam yang bertugas.
- vi) memerhati proses semakan isi peti undi dan tidak mengganggu petugas-petugas di dalam dewan. Pemerhati Pilihan Raya tidak merakamkan gambar semasa proses semakan kertas undi, Daftar Pemilih Pilihan Raya, cap kertas undi dan dakwat pilihan raya dijalankan.
- vii) mengisi Borang Soal Selidik Pemerhati PRK dengan lengkap selepas selesai proses pemerhatian serta menyerahkannya kepada Sekretariat Pemerhati Pilihan Raya.
- viii) organisasi hendaklah menyediakan sebuah laporan hasil pemerhatian secara bertulis dan mengemukakan kepada Sekretariat Pemerhati Pilihan Raya dalam tempoh 2 minggu selepas PRK ini diadakan.

PEMERHATI PILIHAN RAYA adalah dibolehkan:

- i) masuk ke dalam Tempat Mengundi (saluran) di **Pusat Mengundi Biasa** semasa proses pengiraan undi dengan memaklumkan kepada pegawai SPR yang bertugas atau meminta izin Ketua Tempat Mengundi.
- ii) bertanya atau menemubual pengundi, Ejen Pemerhati Barung, Ejen Pilihan Raya, Ejen Tempat Mengundi dan Ejen Mengira Undi di luar Tempat Mengundi (saluran).
- iii) membuat kenyataan media sebelum tugas pemerhatian bermula iaitu sebelum Hari Penamaan Calon dan selepas tugas pemerhatian selesai iaitu selepas keputusan PRK ini diumumkan.

PEMERHATI PILIHAN RAYA adalah dilarang pada bila-bila masa:

- i) mengganggu pengundi yang hadir untuk mengundi pada bila-bila masa semasa di dalam Pusat Mengundi. Pemerhati Pilihan Raya juga dilarang melakukan apa-apa perbuatan yang boleh mengganggu urusan pengundian dan pengiraan di Tempat Mengundi (saluran).
- ii) melakukan aktiviti atau perbuatan yang boleh mencetuskan kekeliruan atau kekecohan di dalam Pusat Mengundi dan Tempat Mengundi (saluran). Penyelia Pusat Mengundi / Ketua Tempat Mengundi dengan dibantu oleh anggota-anggota Polis berpakaian seragam yang bertugas di Pusat Mengundi / Tempat Mengundi (saluran) berhak meminta Pemerhati Pilihan Raya keluar dari Pusat Mengundi / Tempat Mengundi (saluran) berkenaan.
- iii) memakai apa-apa pakaian yang cenderung kepada mana-mana parti politik atau calon yang bertanding.
- iv) membuat kenyataan media semasa proses pemerhatian berlangsung, bermula dari Hari Penamaan Calon sehinggalah selesai pengumuman keputusan PRK ini.
- v) bercakap atau membuat bising di dalam Tempat Mengundi (saluran) sepanjang proses pengundian dan pengiraan undi.
- vi) menyentuh peti undi dan peralatan pilihan raya.
- vii) mengambil gambar di dalam Tempat Mengundi (saluran) semasa proses pengundian dan pengiraan undi.

LAMPIRAN B

- viii) memakai apa-apa bahan, logo/symbol selain dari yang dibekalkan oleh SPR. Pemerhati hanya dibenarkan untuk melihat proses berkempen dan pada hari mengundi biasa sahaja.

Kuasa SPR:

- i) SPR berhak menamatkan pelantikan mana-mana Pemerhati Pilihan Raya yang didapati telah melanggar Kod Etika Dan Aku Janji Pemerhati Pilihan PRK ini seperti yang telah dipersetujui.
- ii) Tempoh rasmi pelantikan sebagai Pemerhati PRK ini bermula pada Hari Penamaan Calon sehingga tamat Hari Mengundi tanpa menjejaskan kuasa SPR untuk memendekkan/menamatkan tempoh tersebut sekiranya difikirkan perlu.

AKU JANJI

Saya

No. Kad Pengenalan

beralamat di

dan bertugas di bahagian pilihan raya **N.48 Ayer Kuning, Perak.**

dengan sesungguhnya berjanji akan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia dari masa ke semasa sepanjang tempoh tugas saya sebagai Pemerhati Pilihan Raya Kecil (PRK) ini.

Oleh kerana itu saya berjanji bahawa saya:

- (i) akan sentiasa taat kepada Yang di-Pertuan Agong dan Negara;
- (ii) akan sentiasa melaksanakan tugas dengan bersikap berkecuali, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab;
- (iii) tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan atau mencemar nama Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia;
- (iv) akan mematuhi semua arahan, kod etika, peraturan dan SOP yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia; dan
- (v) akan mengisi Borang Soal Selidik Pemerhati PRK ini dengan tulus hati dan memberikan maklum balas demi menambahbaik perjalanan pilihan raya di Malaysia.

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kerana telah melanggar Kod Etika Dan Aku Janji Pemerhati PRK ini, saya boleh diambil tindakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia dengan serta-merta.

.....
Tandatangan Pemerhati Pilihan Raya

Di Hadapan:

.....
(Tandatangan Ketua Organisasi yang dilantik)

.....
(Nama dan No. Kad Pengenalan Ketua Organisasi yang dilantik)

.....
(Tarikh)

.....
(Cop Rasmi Organisasi)